

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Tarikh: 12/29/2025

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil / produk takaful yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1

Apakah itu A-Life Idaman?

A-Life Idaman menawarkan perlindungan takaful untuk 40 tahun. Ia membayar amaun faedah secara sekali gus sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal semasa tempoh sijil. Pelan ini adalah bertujuan untuk perlindungan.

Konsep-konsep Syariah yang diguna pakai di bawah sijil takaful ini adalah *Tabarru'* (derma), *Wakalah* (agensi), *Wakalah bi al-Istithmar* (agensi pelaburan), *Mudarabah* (perkongsian keuntungan), *Ju'alah* (insentif prestasi), *Qard* (pinjaman tanpa faedah) dan *Hibah* (hadiah) bersyarat. Sila rujuk bahagian apendiks untuk penerangan terperinci mengenai konsep-konsep Syariah ini.

2

Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM3,150.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Faedah Kematian	RM500,000 sekiranya kematian adalah disebabkan oleh punca semulajadi atau RM1,000,000 sekiranya kematian adalah disebabkan oleh punca kemalangan, berserta nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta dan nilai akaun bagi Dana Akaun Pelaburan. Sekiranya kematian berlaku sebelum lahir atau sehingga 30 hari selepas kelahiran, hanya jumlah keseluruhan caruman yang telah dibayar (tidak termasuk caruman tokokan berkala dan ad hoc) atau nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta, yang mana lebih tinggi, akan dibayar berserta dengan nilai akaun bagi Dana Pelaburan Peserta.
Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	RM500,000 Faedah ini tidak akan dibayar sekiranya hilang upaya menyeluruh dan kekal berlaku sebelum lahir atau sehingga 30 hari selepas kelahiran.
Faedah Badal Haji <i>Nota: Sekiranya Orang Dilindungi adalah di bawah umur 16 tahun atau bukan beragama Islam, faedah ini akan dibayar sebagai khairat kematian.</i>	RM5,000 Faedah ini tidak akan dibayar sekiranya kematian berlaku sebelum lahir atau sehingga 30 hari selepas kelahiran.
Pelanjutan Tempoh Perlindungan Automatik	Apabila Orang Dilindungi mencapai umur 70, sijil takaful akan terus berkuatkuasa sehingga umur 100 tahun untuk pelan asas dan sehingga umur perlindungan maksimum untuk mana-mana rider yang dilampirkan dengan syarat terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk tolakan <i>Tabarru'</i> dan caj perkhidmatan bulanan. Anda boleh memilih untuk menarik diri daripada pelanjutan ini bila-bila masa sebelum mencapai umur pada sijil tamat tempoh.
Faedah Matang	Pada tempoh matang, nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta dan nilai akaun bagi Dana Pelaburan Peserta akan dibayar.

Takaful keluarga anda **mengecualikan** :

- Bunuh diri - sekiranya kematian adalah disebabkan oleh bunuh diri di dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan, tarikh mula atau tarikh penguatkuasaan semula (yang mana lebih kemudian), kami akan mengembalikan nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta dan nilai akaun bagi Dana Pelaburan Peserta, tanpa keuntungan, berserta dengan keseluruhan yuran *Wakalah*, *Tabarru'* dan semua caj-caj yang telah ditolak sejak dari tarikh penyertaan atau tarikh mula (yang mana lebih kemudian). Sijil takaful kemudiannya akan tamat.
- Kematian yang disebabkan oleh punca kemalangan atau hilang upaya menyeluruh dan kekal yang berlaku akibat daripada:
 - mendedahkan diri kepada bahaya secara sengaja atau perbuatan mudarat yang dilakukan ke atas diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras;
 - serangan atau pembunuhan atau peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak), revolusi, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti keganasan;
 - perbuatan salah seperti melanggar atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau melawan penahanan, pembabitian di dalam sebarang pergaduhan atau perlawanan, perlumbaan kenderaan atau kemalangan yang disebabkan oleh pengaruh alkohol atau dadah; atau
 - memasuki, keluar daripada, mengendalikan, menyelenggara atau diangkut oleh sebarang alatan atau pengangkutan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal di atas pesawat pembawa penumpang komersil yang di dalam perjalanan mengangkut penumpang yang telah dijadualkan mengikut laluan yang telah ditentukan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan berkenaan dengan takaful keluarga, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-8922



Layari laman web kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/life-protection/a-life-idaman.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman	RM3,150.00 tahunan
---------	--------------------

Tempoh: sehingga umur 70 tahun

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Jumlah keseluruhan komisen	4.3% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM5,386.50
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	12.8% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM16,065.00
Caj-caj lain yang terpakai	• <i>Tabarru'</i> akan ditolak setiap bulan berdasarkan kepada umur Orang Dilindungi yang dicapai dan faktor-faktor lain yang berkenaan. <i>Tabarru'</i> bagi faedah-faedah tertentu mungkin akan meningkat mengikut umur. Ia merupakan derma bagi tujuan bantuan dan pertolongan bersama kepada peserta-peserta lain yang memerlukan. • Caj perkhidmatan bulanan sebanyak RM5.00 untuk menampung kos-kos pentadbiran di dalam penyelenggaraan sijil takaful. • Caj pengurusan dana untuk menampung kos-kos pentadbiran di dalam pelaburan dan pengurusan dana-dana berkaitan pelaburan yang tersedia di bawah Dana Pelaburan Peserta. • Caj penukaran dana untuk menampung kos-kos pentadbiran di dalam penukaran pelaburan daripada satu dana berkaitan pelaburan ke dana berkaitan pelaburan yang lain di bawah Dana Pelaburan Peserta. Buat masa ini, tiada caj yang dikenakan.

4 Terma-Terma Utama Yang Lain

- Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, terdapat risiko tuntutan anda mungkin akan ditolak atau sijil anda akan ditamatkan.
- Dana-dana yang terdapat di bawah sijil takaful ini adalah Dana Risiko Peserta, Dana Akaun Peserta dan Dana Pelaburan Peserta.
- Nilai akaun bagi sijil takaful anda adalah bergantung kepada prestasi Dana Akaun Peserta dan Dana Pelaburan Peserta dan adalah tidak dijamin.
- Sijil takaful akan luput sekiranya nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta tidak lagi mencukupi untuk membayar *Tabarru'* dan caj perkhidmatan bulanan.
- Anda mempunyai tempoh ihsan selama 31 hari daripada setiap tarikh caruman perlu dibayar untuk membayar caruman bagi sijil takaful. Sijil takaful akan kekal berkuatkuasa semasa tempoh ini. Sekiranya caruman masih lagi belum dibayar apabila tempoh ihsan ini berakhir, sijil takaful mungkin akan luput, tertakluk kepada adanya nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta.
- Sekiranya caruman tidak dibayar, *Tabarru'* dan caj perkhidmatan bulanan masih lagi akan ditolak daripada Dana Akaun Peserta dan ini akan mengurangkan nilai akaunnya. Anda harus memastikan bahawa nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta adalah mencukupi untuk membayar *Tabarru'* dan caj perkhidmatan bulanan untuk menikmati perlindungan takaful secara terus-menerus tanpa gangguan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh percubaan:** Anda boleh membatalkan sijil takaful anda di dalam tempoh 15 hari setelah menerima kontrak e-sijil anda menerusi portal pelanggan AIA atau di dalam tempoh 15 hari setelah menerima versi salinan bercetak, yang mana terpakai. Nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta dan nilai akaun bagi Dana Pelaburan Peserta berserta semua caj-caj yang telah ditolak akan dikembalikan kepada anda selepas ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
- **Notis bertulis:** Selepas tempoh percubaan, anda boleh membuat serahan ke atas sijil takaful anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Nilai serahan bagi sijil takaful ini adalah jumlah keseluruhan nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta dan Dana Pelaburan Peserta dan adalah tidak dijamin. Sila pertimbangkan dengan teliti memandangkan anda mungkin akan mengalami kerugian sekiranya anda membuat serahan sijil takaful. Sijil takaful kemudiannya akan ditamatkan.

Pelan takaful in diuruskan oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd., pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah itu A-Plus Critical Shield-i?

A-Plus Critical Shield-i adalah suatu produk takaful yang menyediakan perlindungan untuk 45 penyakit kritikal tahap lanjut yang tertentu. Sila rujuk bahagian apendiks untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM789.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Perlindungan	RM100,000 Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, pembayaran adalah terhad kepada RM10,000 . Jumlah dilindungi bagi rider kemudiannya akan berkurang sebanyak amaun yang dibayar.
--------------	---

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah produk ini adalah termasuk:

1. Strok
2. Kanser
3. Serangan Jantung

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca sijil takaful anda untuk butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider takaful perubatan dan kesihatan ini **mengecualikan** :

- Keadaan sedia ada atau kecacatan/penyakit kongenital yang telah didiagnos atau yang telah wujud atau muncul sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula (yang mana lebih kemudian).
- Diagnosis Hepatitis Viral Fulminan, Kanser, Ensefalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk atau Penyakit Terminal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV).

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider takaful perubatan dan kesihatan ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:	
Caruman	RM 789.00 tahunan
Tempoh: sehingga umur 70 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Jumlah keseluruhan komisen	4.3% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM1,349.19
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	12.5% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM3,945.00
Caj-caj lain yang terpakai	<i>Tabarru'</i> (Sila rujuk PDS bagi pelan asas untuk penerangan mengenai <i>Tabarru'</i>)

4 Terma-Terma Utama Yang Lain

- Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, terdapat risiko tuntutan anda mungkin akan ditolak atau sijil anda akan ditamatkan.
- Terdapat tempoh menunggu selama 60 hari untuk Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari. Untuk penyakit kritikal yang dilindungi lain, tempoh menunggu adalah selama 30 hari.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memaklumkan kepada Perancang Hayat AIA anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui nombor telefon yang dinyatakan di dalam PDS bagi pelan asas atau mengunjungi mana-mana pusat pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**
AIA PUBLIC Takaful Bhd
201101007816 (935955-M)

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/29/2025

1 Apakah itu A-Plus Beyond Critical Shield-i?

A-Plus Beyond Critical Shield-i adalah suatu produk takaful yang menyediakan perlindungan untuk 75 penyakit kritikal tahap lanjut yang tertentu. Sila rujuk bahagian appendiks untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM1,044.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Perlindungan	RM100,000 Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, pembayaran adalah terhad kepada RM10,000 . Jumlah dilindungi bagi rider kemudiannya akan berkurang sebanyak amaun yang dibayar.
--------------	---

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah produk ini adalah termasuk:

1. Strok
2. Kanser
3. Serangan Jantung

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca sijil takaful anda untuk butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider takaful perubatan dan kesihatan ini **mengecualikan**:

- Keadaan sedia ada atau kecacatan/penyakit kongenital yang telah didiagnos atau yang telah wujud atau muncul sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula (yang mana lebih kemudian).
- Diagnosis penyakit kritikal yang berserta Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV).

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider takaful perubatan dan kesihatan ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman	RM 1,044.00 tahunan
Tempoh: sehingga umur 70 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Jumlah keseluruhan komisen	4.3% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM1,785.24
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	12.5% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM5,220.00
Caj-caj lain yang terpakai	<i>Tabarru'</i> (Sila rujuk PDS bagi pelan asas untuk penerangan mengenai <i>Tabarru'</i>)

4 Terma-Terma Utama Yang Lain

- Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, terdapat risiko tuntutan anda mungkin akan ditolak atau sijil anda akan ditamatkan.
- Terdapat tempoh menunggu selama 60 hari untuk Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari. Untuk penyakit kritikal yang dilindungi lain, tempoh menunggu adalah selama 30 hari.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memaklumkan kepada Perancang Hayat AIA anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui nombor telefon yang dinyatakan di dalam PDS bagi pelan asas atau mengunjungi mana-mana pusat pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/29/2025

1

Apakah itu A-Plus Beyond Early Critical Shield-i?

A-Plus Beyond Early Critical Shield-i adalah suatu produk takaful yang menyediakan perlindungan untuk 105 penyakit kritikal tahap awal dan tahap pertengahan yang tertentu. Sila rujuk bahagian apendiks untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi.

2

Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM1,032.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Perlindungan	RM100,000
--------------	------------------

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah produk ini adalah termasuk:

- Strok
- Kanser
- Serangan Jantung

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca sijil takaful anda untuk butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider takaful perubatan dan kesihatan ini **mengecualikan**:

- Keadaan sedia ada atau kecacatan/penyakit kongenital yang telah didiagnos atau yang telah wujud atau muncul sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula (yang mana lebih kemudian).
- Diagnosis penyakit kritikal yang berserta Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV).
- Penyakit kritikal yang berpunca secara langsung daripada alkohol atau penyalahgunaan dadah atau kecederaan yang berlaku akibat perbuatan diri sendiri.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

3

Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Untuk rider takaful perubatan dan kesihatan ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman	RM 1,032.00 tahunan
---------	----------------------------

Tempoh: sehingga umur 70 tahun

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Jumlah keseluruhan komisen	4.3% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM1,764.72
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	12.5% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM5,160.00
Caj-caj lain yang terpakai	<i>Tabarru'</i> (Sila rujuk PDS bagi pelan asas untuk penerangan mengenai <i>Tabarru'</i>)

4

Terma-Terma Utama Yang Lain

- Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, terdapat risiko tuntutan anda mungkin akan ditolak atau sijil anda akan ditamatkan.
- Terdapat tempoh menunggu selama 60 hari untuk semua penyakit kritikal tahap awal dan tahap pertengahan yang dilindungi.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

?

Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memaklumkan kepada Perancang Hayat AIA anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui nombor telefon yang dinyatakan di dalam PDS bagi pelan asas atau mengunjungi mana-mana pusat pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah itu A-Plus Accident ShieldExtra-i?

A-Plus Accident ShieldExtra-i menyediakan pampasan apabila berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian semata-mata akibat daripada punca kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM1,647.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Rider ini melindungi :	Rider ini mengecualikan :
- Kematian akibat kemalangan – RM100,000 - Hilang upaya menyeluruh dan kekal – RM100,000 - Faedah indemniti mingguan – RM150 setiap minggu - Faedah hidup tahunan – RM10,000 setiap tahun - Faedah rawatan perubatan – RM6,000 - Indemniti berganda untuk kecederaan akibat kemalangan disebabkan pengangkutan awam – RM200,000 - Elaun hospital harian – RM100 sehari - Elaun Unit Rawatan Rapi harian – RM200 sehari	- Hilang upaya yang sedia ada - Risiko berkaitan peperangan - kecederaan yang berlaku akibat perbuatan diri sendiri - Penyalahgunaan dadah - Sukan yang berbahaya
Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca sijil takaful anda untuk maklumat mengenai perlindungan dan pengecualian.	
Dengan membayar caruman tambahan, anda boleh meluaskan perlindungan anda untuk meliputi:	
Kematian atau kecederaan akibat kemalangan yang berpunca daripada serangan, pembunuhan, rusuhan dan kekacauan awam – RM100,000	
Tempoh perlindungan adalah sehingga umur 70 tahun.	

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider takaful kemalangan diri ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:	
Perlindungan Biasa (A-Plus Accident ShieldExtra-i)	RM 1,647.00 tahunan
Perlindungan Tambahan (RCC atas A-Plus Accident ShieldExtra-i)	RM 117.00 tahunan
Jumlah keseluruhan caruman takaful yang anda perlu bayar adalah RM1,764.00 tahunan	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Jumlah keseluruhan komisen	4.3% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM3,016.44
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	12.5% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM8,820.00
Caj-caj lain yang terpakai	<i>Tabarru'</i> (Sila rujuk PDS bagi pelan asas untuk penerangan mengenai <i>Tabarru'</i>)

4 Terma-Terma Utama Yang Lain

- Anda harus memberi maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan. - Anda harus mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti pekerjaan dan hobi anda.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memaklumkan kepada Perancang Hayat AIA anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui nombor telefon yang dinyatakan di dalam PDS bagi pelan asas atau mengunjungi mana-mana pusat pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah itu A-Plus Accident Shield-i?

A-Plus Accident Shield-i menyediakan pampasan apabila berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian semata-mata akibat daripada punca kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM400.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Rider ini melindungi :	Rider ini mengecualikan :
- Kematian akibat kemalangan – RM100,000 - Hilang upaya menyeluruh dan kekal – RM100,000 - Indemniti berganda untuk kecederaan akibat kemalangan disebabkan pengangkutan awam – RM200,000	- Hilang upaya yang sedia ada - Risiko berkaitan peperangan - kecederaan yang berlaku akibat perbuatan diri sendiri - Penyalahgunaan dadah - Sukan yang berbahaya
Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca sijil takaful anda untuk maklumat mengenai perlindungan dan pengecualian.	
Dengan membayar caruman tambahan, anda boleh meluaskan perlindungan anda untuk meliputi:	
Kematian atau kecederaan akibat kemalangan yang berpunca daripada serangan, pembunuhan, rusuhan dan kekacauan awam – RM100,000	
Tempoh perlindungan adalah sehingga umur 70 tahun.	

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider takaful kemalangan diri ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:	
Perlindungan Biasa (A-Plus Accident Shield-i)	RM 400.00 tahunan
Perlindungan Tambahan (RCC atas A-Plus Accident Shield-i)	RM 34.00 tahunan
Jumlah keseluruhan caruman takaful yang anda perlu bayar adalah RM434.00 tahunan	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Jumlah keseluruhan komisen	4.3% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM742.14
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	12.5% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM2,170.00
Caj-caj lain yang terpakai	<i>Tabarru'</i> (Sila rujuk PDS bagi pelan asas untuk penerangan mengenai <i>Tabarru'</i>)

4 Terma-Terma Utama Yang Lain

- Anda harus memberi maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan. - Anda harus mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti pekerjaan dan hobi anda.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memaklumkan kepada Perancang Hayat AIA anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui nombor telefon yang dinyatakan di dalam PDS bagi pelan asas atau mengunjungi mana-mana pusat pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



AIA PUBLIC TAKAFUL
AIA PUBLIC Takaful Bhd
201101007816 (935955-M)

Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/29/2025

1 Apakah itu A-Plus WaiverExtra-i?

A-Plus WaiverExtra-i meneruskan pembayaran masa hadapan (tidak termasuk A-Plus Saver-i) sehingga tamat tempoh caruman sekiranya Orang Dilindungi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal sebelum mencapai umur 70 tahun atau didiagnosis dengan mana-mana 44 penyakit kritikal yang dilindungi. Sila rujuk bahagian apendiks untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM661.15 tahunan, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Perlindungan	RM8,213.00 setiap tahun
Penyakit kritikal yang <u>dilindungi</u> di bawah produk ini adalah termasuk: 1. Strok 2. Kanser 3. Serangan Jantung Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca sijil takaful anda untuk butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.	
Rider ini mengecualikan : - Hilang upaya menyeluruh dan kekal yang berlaku akibat daripada: - mendedahkan diri kepada bahaya secara sengaja atau perbuatan mudarat yang dilakukan ke atas diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; - serangan atau pembunuhan atau peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak), revolusi, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti keganasan; atau - perbuatan salah seperti melanggar atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau melawan penahanan, pembabit di dalam sebarang pergaduhan atau perlawanan, perlumbaan kenderaan atau kemalangan yang disebabkan oleh pengaruh alkohol atau dadah. - Keadaan sedia ada atau kecacatan/penyakit kongenital yang telah didiagnos atau yang telah wujud atau muncul sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula (yang mana lebih kemudian). - Diagnosis Hepatitis Viral Fulminan, Kanser, Ensefalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk atau Penyakit Terminal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.	

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider takaful perubatan dan kesihatan ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:	
Caruman	RM 661.15 tahunan
Tempoh: sehingga umur 70 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Jumlah keseluruhan komisen	4.3% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM1,130.57
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	12.5% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM3,305.75
Caj-caj lain yang terpakai	<i>Tabarru'</i> (Sila rujuk PDS bagi pelan asas untuk penerangan mengenai <i>Tabarru'</i>)

4 Terma-Terma Utama Yang Lain

• Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, terdapat risiko tuntutan anda mungkin akan ditolak atau sijil anda akan ditamatkan.

• Perlindungan anda hanya akan bermula 60 hari kalendar dari tarikh sijil berkuatkuasa untuk Kanser, Serangan Jantung dan Pembedahan Pintasan Arteri Koronari dan Penyakit Arteri Koronari Serius. Untuk penyakit kritikal yang dilindungi lain, perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari kalendar dari tarikh sijil berkuatkuasa.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memaklumkan kepada Perancang Hayat AIA anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui nombor telefon yang dinyatakan di dalam PDS bagi pelan asas atau mengunjungi mana-mana pusat pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

APENDIKS

Dana-dana yang diguna pakai di bawah sijil takaful

Dana Akaun Peserta – Dana di mana sebahagian daripada caruman yang dibayar oleh peserta, selepas ditolak yuran *Wakalah*, akan diperuntukkan. *Tabarru'* bagi pelan asas dan rider (jika ada) akan ditolak daripada dana ini. Amaun sebenar perbelanjaan yang ditanggung bagi kos pelaburan yang berkait secara langsung dengan Dana Akaun Peserta (contohnya kos transaksi yang berkait secara langsung dengan pemerolehan aset pelaburan bagi dana takaful) akan dicaj kepada Dana Akaun Peserta, seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami. Sila ambil perhatian bahawa perbelanjaan ini akan dicaj pada peringkat dana dan bukan kepada sijil individu.

Dana Risiko Peserta – Dana di mana *Tabarru'* akan dikreditkan ke dalamnya dan daripada mana faedah takaful akan dibayar di atas dasar perpaduan, persaudaraan dan kerjasama di kalangan para peserta. Amaun sebenar perbelanjaan yang ditanggung bagi perbelanjaan yang berkait langsung dengan tuntutan (contohnya kos penyiasatan) dan kos pelaburan yang berkait secara langsung dengan Dana Risiko Peserta (contohnya kos transaksi yang berkait langsung dengan pemerolehan aset pelaburan bagi dana takaful) akan dicaj kepada Dana Risiko Peserta, seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami. Sila ambil perhatian bahawa perbelanjaan ini akan dicaj pada peringkat dana dan bukan kepada sijil individu.

Dana Pelaburan Peserta – Caruman A-Plus Saver-i dan caruman tokokan ad hoc yang dibayar bagi pelan takaful, selepas ditolak yuran *Wakalah*, akan diperuntukkan ke dalam akaun ini untuk membeli unit-unit di dalam dana berkaitan pelaburan yang telah dipilih berdasarkan kadar peruntukan yang terpakai.

Kontrak-kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah sijil takaful

Tabarru' (derma) – kontrak yang diguna pakai di antara para peserta. Ia adalah amaun yang ditolak daripada Dana Akaun Peserta dan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai derma bagi tujuan bantuan dan pertolongan bersama kepada peserta-peserta yang memerlukan. Kadar *Tabarru'* adalah tidak dijamin dan anda mungkin perlu membuat tokokan caruman sekiranya terdapat pindaan kepada kadar *Tabarru'*.

Wakalah (agensi) – kontrak di antara peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (sebagai pengendali takaful) di mana peserta memberi kebenaran kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd. untuk bertindak bagi pihaknya di dalam menjalankan hal-hal yang berkaitan operasi takaful yang antaranya termasuk pengunderaitan, pelaburan melibatkan Dana Risiko Peserta, perkhidmatan sijil dan pemprosesan tuntutan. Sebagai balasan untuk perkhidmatan yang diberikan, AIA PUBLIC Takaful Bhd. akan mengambil sebahagian daripada caruman yang dibayar peserta sebagai yuran *Wakalah*. Di dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah kontrak *Wakalah*, AIA PUBLIC Takaful Bhd. mungkin akan melantik atau menggunakan khidmat pihak ketiga untuk menjalankan tugas-tugas tertentu yang relevan kepada operasi takaful.

Wakalah bi al-Istithmar (agensi pelaburan) – kontrak di antara peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. di mana peserta melantik AIA PUBLIC Takaful Bhd. untuk menguruskan aktiviti-aktiviti pelaburan patuh Syariah bagi Dana Pelaburan Peserta bagi pihak peserta. Suatu caj pengurusan dana yang telah dipersetujui akan dikenakan sebagai balasan untuk perkhidmatan yang diberikan. Di dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah kontrak *Wakalah bi al-Istithmar*, AIA PUBLIC Takaful Bhd. mungkin akan melantik atau menggunakan khidmat pihak ketiga untuk menjalankan tugas-tugas tertentu yang relevan kepada aktiviti pelaburan patuh Syariah.

Mudarabah (perkongsian keuntungan) – kontrak di antara peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. di mana peserta menyediakan modal ke dalam Dana Akaun Peserta untuk diuruskan atau dilaburkan oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd. Sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada Dana Akaun Peserta akan dikongsi di dalam nisbah 20% kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd. dan 80% kepada peserta manakala sebarang kerugian akan ditanggung oleh peserta sehingga nilai modal. AIA PUBLIC Takaful Bhd. mungkin akan melantik atau menggunakan khidmat pihak ketiga untuk menjalankan tugas-tugas tertentu yang relevan kepada aktiviti pelaburan.

Ju'alah (insentif prestasi) – kontrak ganjaran di antara peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. di mana AIA PUBLIC Takaful Bhd. layak untuk menerima 50% daripada lebihan yang diperolehi daripada Dana Risiko Peserta sebagai *Ujrah* (yuran prestasi) kerana menguruskan dana tersebut dengan efisien sehingga menghasilkan lebihan.

Qard (pinjaman tanpa faedah) – kontrak di mana AIA PUBLIC Takaful Bhd. menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada Dana Risiko Peserta sekiranya ia mengalami defisit dan tidak berupaya untuk membayar faedah-faedah takaful kepada peserta-peserta yang layak. Amaun ini akan diperolehi semula daripada Dana Risiko Peserta apabila ia kembali mencukupi sebelum sebarang pengagihan lebihan dibuat.

Hibah (hadiah) Bersyarat – pembayaran suatu amaun wang yang telah dipersetujui di bawah kontrak *Hibah* daripada satu pihak ke pihak yang lain yang akan berkuatkuasa tatkala berlakunya suatu keadaan yang telah ditentukan terlebih dahulu. Untuk lebihan daripada Dana Risiko Peserta, *Hibah* bersyarat merujuk kepada pembayaran 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan bagi suatu tahun kewangan yang tertentu oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd. kepada peserta dengan syarat Dana Risiko Peserta tidak mengalami defisit dan tiada tuntutan telah dibuat di bawah sijil takaful bagi tahun kewangan tersebut. Untuk pembayaran faedah takaful, *Hibah* bersyarat merujuk kepada pembayaran faedah kematian oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd. kepada penerima faedah yang telah dinamakan oleh peserta apabila orang dilindungi meninggal dunia.

Nota: Maklumat di sini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk maklumat lanjut.

APENDIKS

Peruntukan caruman di bawah sijil takaful

Caruman Berkala (Kadar peruntukan bagi caruman berkala akan berbeza bergantung kepada tempoh pembayaran caruman yang dipilih. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk butiran)	
Caruman yang Diperuntukkan	Yuran Wakalah (Caruman yang Tidak Diperuntukkan)
Amaun ini akan diperuntukkan ke dalam Dana Akaun Peserta dan <i>Tabarru'</i> kemudiannya akan ditolak daripada Dana Akaun Peserta pada setiap bulan. Berdasarkan kepada kontrak <i>Mudarabah</i> , sebarang pulangan pelaburan daripada Dana Akaun Peserta akan dikongsi di antara AIA PUBLIC Takaful Bhd. dan para peserta mengikut kadaran 20:80 yang telah ditetapkan lebih awal.	Amaun ini digunakan untuk membayar perbelanjaan dan kos pengedaran langsung yang ditanggung oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd. termasuk komisen yang dibayar kepada Perancang Hayat AIA.
Caruman A-Plus Enhancer-i, A-Plus Saver-i and Ad Hoc Top-Up Caruman	
Caruman yang Diperuntukkan	Yuran Wakalah (Caruman yang Tidak Diperuntukkan)
95% daripada caruman	5% daripada caruman

Nota: Maklumat yang dipaparkan di sini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut.

APENDIKS

Senarai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah A-Plus Critical Shield-i, A-Plus ParentWaiver-i and A-Plus WaiverExtra-i

1) Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan	26) Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
2) Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	27) Penyakit Terminal (Membawa Maut)
3) Serangan Jantung - keterukan tertentu	28) Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
4) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	29) Tumor Otak Benigna - keterukan tertentu
5) Penyakit Arteri Koronari Serius	30) Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
6) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari (tidak terpakai A-Plus WaiverExtra-i and A-Plus ParentWaiver-i)	31) Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7) Pembedahan Injap Jantung	32) Penyakit Sistik Medular
8) Hepatitis Viral Fulminan	33) Pembedahan Otak
9) Kegagalan Hati Tahap Akhir	34) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
10) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu	35) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
11) Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	36) Kardiomiopathi keterukan tertentu
12) Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	37) AIDS peringkat teruk
13) Pembedahan Aorta	38) Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
14) Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	39) Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan
15) Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang	40) Poliomielitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian dalam tempoh tiga bulan
16) Buta - Kekal dan Tidak boleh Pulih	41) Scleroderma Progresif - memerlukan biopsi dan bukti serologi
17) Pekak - Kekal dan Tidak boleh Pulih	42) Sindrom Apalik - memerlukan pakar neurologi dan perlu didokumentasikan secara perubatan sekurang-kurangnya satu bulan
18) Hilang Keupayaan Bertutur	43) Pankreatitis Berulang Kronik - Kekal dan Tidak boleh Pulih
19) Koma - mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan	44) Elephantiasis - Kekal akibat penyumbatan limfatik.
20) Kelecuman Tahap Ketiga - keterukan tertentu	45) Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) - memerlukan pakar neurologi dan bukti ujian diagnostik
21) Sklerosis Multipel	
22) Kelumpuhan Anggota	
23) Distrofi Otot	
24) Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk	
25) Penyakit Neuron Motor - defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan	

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

APENDIKS

Senarai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah A-Plus Beyond Critical Shield-i

1) Kanser	39) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti melalui Pekerjaan
2) Strok / Angin Ahmar	40) Sindrom Eisenmenger Serious
3) Serangan Jantung	41) Endokarditis Infektif
4) Penyakit Arteri Koronari Serious	42) Poliomielitis
5) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	43) Scleroderma Progresif
6) Pembedahan Injap Jantung	44) Arthritis Reumatoid Kronik
7) Kardiomiopati	45) Kolitis Ulseratif dengan Colectomy Keseluruhan
8) Pembedahan Aorta	46) Myasthenia Gravis
9) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	47) Atrofi Otot Progresif
10) Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	48) Supranuklear Palsy Progresif
11) Kegagalan Hati Tahap Akhir	49) Kekurangan Adrenal Kronik
12) Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang	50) Osteogenesis Imperfecta
13) Penyakit Parkinson	51) Meningitis Tuberkulosis
14) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	52) Sindrom Apalik
15) Koma	53) Pembedahan Scoliosis Idiopatik
16) Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	54) Pankreatitis Berulangan Kronik
17) Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	55) Elephantiasis (Penyakit Untut)
18) Kegagalan Buah Pinggang	56) Metastasis Serebral
19) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	57) Penyakit Creutzfeldt-Jakob
20) Anemia Aplastik Kronik	58) Demam Hemoragik Ebola
21) Meningitis Bakteria	59) Pheochromocytoma memerlukan pembedahan
22) Tumor Otak Benigna	60) Sindrom Nefrotik Berulangan Serious
23) Pembedahan Otak	61) Penyakit Wilson
24) Ensefalitis	62) Sindrom Uremik Haemolitik
25) Trauma Kepala Major (teruk)	63) Nasrotising Fasciitis
26) Hilang Keupayaan Bertutur	64) Difteria Respiratori memerlukan ventilasi mekanikal
27) Penyakit Sistik Medular	65) Kehilangan Anggota/ Anggota-anggota Badan
28) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	66) Rawatan Rapi - memerlukan ventilasi mekanikal selama 10 hari
29) Penyakit Neuron Motor	67) Aneurisme Serebrum memerlukan Pembedahan Otak
30) Sklerosis Multipel	68) Hepatitis Autoimun Kronik
31) Distrofi Otot	69) Avulsi Akar pada Plexus Brachial Multipel
32) Kelumpuhan Anggota	70) Demam Reumatik dengan Gangguan Injap Jantung
33) Kelecuman Tahap Ketiga	71) Pembahagian Semula Seluruh Usus Kecil (duodenum, jejunum dan ilium)
34) Hepatitis Viral Fulminan	72) Penyakit Crohn Kronik Serious
35) Penyakit Terminal (Membawa Maut)	73) Fibrosis Pulmonari yang Serious
36) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	74) Rabies
37) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk	75) Tetanus Umum
38) AIDS dengan Gejala Penuh	

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

APENDIKS

Senarai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah A-Plus Beyond Early Critical Shield-i

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Keadaan Penyakit Kritikal	
		Tahap Awal	Tahap Pertengahan
1	Kanser	- Karsinoma in situ; atau - Kanser Prostat Awal; atau - Kanser Tiroid Awal; atau - Kanser Pundi Awal; atau - Leukemia Limfositik Kronik Awal; atau - Melanoma Awal; atau - Kanser Stromal gastro-usus	- Karsinoma in situ dan Kanser Awal Organ Khusus lain yang Dirawat dengan Pembedahan Radikal
2	Strok / Angin Ahmar	- Pembedahan Aneurisme Otak; atau - Pemasukan Pintas Serebrum	- Pembedahan Arteri Karotid
3	Serangan Jantung	- Pemasukan Perentak Jantung	- Pemasukan Defibrilator Jantung
4	Penyakit Arteri Koronari Serius	- Penyakit Arteri Koronari Awal	- Penyakit Arteri Koronari Lain
5	Pembedahan Pintas Arteri Koronari	- Perikardektomi; atau - Terapi Laser Transmyocardial	- Penggrafan Pintas Arteri Koronari Langsung Kurang Invasif (MIDCAB)
6	Pembedahan Injap Jantung	- Valvuloplasti Perkuteneus	- Penggantian Injap Perkutaneus
7	Kardiomiopati	- Kardiomiopati Hipertrofik	- Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan
8	Pembedahan Aorta	- Aneurisme Aorta Asimtomatik Besar	- Pembedahan Kurang Invasif ke atas Aorta
9	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer Awal	- Hipertensi Arteri Pulmonari Sekunder
10	Penyakit Paru-paru Kronik	- Asma Serius; atau - Pemasukan penapis Vena Cava	- Pembuangan Satu Paru-paru menerusi Pembedahan
11	Penyakit Hati	- Pembedahan Hati	- Sirosis Hati
12	Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang	- Transplan Usus Kecil; atau - Transplan Kornea	- Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang (dalam senarai menunggu)
13	Penyakit Parkinson	- Penyakit Parkinson Awal	- Penyakit Parkinson Sederhana Serius
14	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	- Penyakit Alzheimer Awal	- Penyakit Alzheimer Sederhana Serius
15	Koma	- Koma selama 48 jam	- Koma selama 72 jam
16	Hilang Penglihatan	- Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	- Retinitis Pigmentosa; atau - Atrofi Saraf Optik
17	Hilang Pendengaran	- Kehilangan Sebahagian Pendengaran; atau - Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus	- Pembedahan Implan Koklear
18	Kegagalan Buah Pinggang	- Pembuangan Satu Buah Pinggang menerusi Pembedahan	- Penyakit Buah Pinggang Kronik
19	Transfusi Darah	- Hepatitis B atau C yang Diperolehi menerusi Pekerjaan; atau - Jangkitan HIV Akibat Serangan	- Jangkitan HIV Melalui Transplan Organ
20	Anemia Aplastik	- Anemia Aplastik Boleh Dipulihkan	-
21	Meningitis Bakteria	- Meningitis Bakteria dengan Pemulihan Penuh	- Meningitis Bakteria Sederhana Serius
22	Pembedahan Otak	- Pembedahan bagi Hematoma Subdura	- Pembuangan Tumor Otak melalui Laluan Trans Sfenoidal
23	Tumor Otak	- Pembedahan Pemotongan Meningioma Tulang Belakang	- Pembedahan Pembuangan Tumor Pituitari menerusi Hipofisektomi Trans Sfenoidal
24	Ensefalitis	- Ensefalitis dengan Pemulihan Penuh	- Ensefalitis Sederhana
25	Trauma Kepala	- Pembedahan Rekonstruktif Muka; atau - Kecederaan Saraf Tunjang Serviks Kerana Kemalangan	- Trauma Kepala Sederhana
26	Hilang Keupayaan Bertutur	- Hilang Keupayaan Bertutur (selain dari kecederaan atau penyakit pada pita suara)	- Trakeostomi Kekal (atau Sementara)

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

APENDIKS

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Keadaan Penyakit Kritikal	
		Tahap Awal	Tahap Pertengahan
27	Penyakit Sistik Medular	- Glomerulonefritis Kronik	-
28	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	- Kehilangan Jari	- Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) Peringkat Awal
29	Kelecuran	- Kelecuran Sederhana	- Kelecuran Sederhana Serious
30	Hepatitis Viral Fulminan	- Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliari	- Kolangitis Sklerosis Primer Kronik
31	Sklerosis Multipel	- Sklerosis Multipel Peringkat Awal	-
32	Distrofi Otot	- Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan yang menyebabkan Gangguan Usus dan Pundi	- Distrofi Otot Sederhana Serious
33	Kelumpuhan Anggota	- Hilang Penggunaan Satu Anggota	- Kehilangan Penggunaan Satu Anggota dan Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata
34	Lupus Eritematosus Sistemik	- Lupus Eritematosus Sistemik Kurang Serious	-
35	Sindrom Eisenmenger	- Sindrom Eisenmenger Kurang Serious	-
36	Endokarditis Infektif	- Endokarditis Infektif Sederhana Serious	-
37	Poliomielitis	- Neuropati Periferai	- Poliomieliitis Sederhana
38	Scleroderma Progresif	- Scleroderma Progresif Awal	- Scleroderma Progresif dengan Sindrom CREST
39	Arthritis Reumatoid Serious	- Arthritis Reumatoid Sederhana	- Arthritis Reumatoid Sederhana Serious
40	Penyakit Crohn	- Penyakit Crohn Kronik	-
41	Kolitis Ulseratif Serious	- Kolitis Ulseratif Kronik; atau - Kolitis Ulseratif Akut	-
42	Myasthenia Gravis	- Myasthenia Gravis Kurang Serious	-
43	Atrofi Otot Progresif	- Atrofi Otot Progresif Kurang Serious	-
44	Supranuklear Palsy Progresif	- Supranuklear Palsy Progresif Awal	-
45	Kekurangan Adrenal Kronik	- Adrenalektomi untuk Adenoma Adrenal	-
46	Osteogenesis Imperfecta	- Osteoporosis dengan Keretakan	- Osteoporosis Serious dengan Keretakan
47	Meningitis Tuberkulosis	- Mielitis Tuberkulos	-
48	Rawatan Rapi	- Rawatan Rapi - memerlukan ventilasi mekanikal selama 5 hari	-
49	Sindrom Apalik	- Sifat Bisu Akinetic	- Sindrom Locked In
50	Hepatitis Autoimun Kronik	- Hepatitis Autoimun Kronik Awal	-
51	Pankreatitis Berulangan Kronik	- Pankreatitis Nekrotik Akut	- Pankreatitis Berulangan Kronik Sederhana Serious
52	Epilepsi Serious	-	- Epilepsi Serious
53	Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan	-	- Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan
54	Penyakit Neuron Motor	-	- Penyakit Neuron Motor Peringkat Awal

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.